AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : KESIHATAN

Teknik 'couching' punca pesakit jadi buta

Pembedahan haram disahkan tak mampu rawat penyakit katarak

Dr Hilmi (tiga dari kanan) melepaskan peserta pada konvoi amal bermotosikal di Balik Pulau, semalam.

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Balik Pulau

Teknik pembedahan haram untuk mata bagi menanggalkan selaput (katarak) yang dinamakan 'couching' boleh menyebabkan buta.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, berkata teknik terbabit sudah diharamkan sebelum ini, selain disahkan tidak mampu merawat penyakit katarak.

Beri kesan lebih buruk

Selain itu, katanya, teknik 'couching' boleh memberi kesan lebih buruk kepada pesakit dalam jangka masa panjang.

Teknik itu membabitkan pembedahan menolak kanta mata ke dalam rongga vitreus yang dijalankan oleh pihak tertentu dan kini tular di media sosial.

"Kalau awak tolak lensa mata itu takut terkeluar daripada sarung dan akan menyebabkan macam-macam berlaku, teknik ('couching') ini datang dari mana?

"Selama 40 tahun saya dalam bidang perubatan saya tak pernah dengar teknik tolak lensa (mata) ke dalam," katanya kepada pemberita selepas melepaskan konvoi amal bermotosikal dan bantuan keluarga miskin, di sini, semalam.

Justeru, beliau berkata, semua Jabatan Kesihatan negeri diarah memantau dan mengambil tindakan terhadap pengamal aktiviti 'couching'.

> Teknik 'couching' tak diiktiraf selain sebabkan keadaan mata tambah buruk"
>
> *Dr Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan*

Dapatkan nasihat pakar perubatan

"Pesakit katarak dinasihatkan mendapatkan nasihat pakar perubatan dan menjalani pembedahan di hospital dengan keseluruhan prosesnya hanya mengambil masa hampir 30 minit sahaja.

"Teknik 'couching' ini tak diiktiraf selain dikhuatiri akan menyebabkan keadaan mata pesakit bertambah buruk jika menjalaninya kerana bahagian mata sangat kompleks dan pelbagai kemungkinan boleh berlaku," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : SEMASA

Teknik *couching* rawat katarak berbahaya

BALIK PULAU – Kementerian Kesihatan menasihati orang ramai agar tidak terpengaruh dengan rawatan *couching* untuk merawat katarak iaitu teknik menolak kanta mata ke dalam rongga vitreus yang dijalankan oleh pihak tertentu.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, kaedah itu berbahaya dan boleh menyebabkan pelbagai komplikasi termasuk glaukoma.

"Selama 40 tahun dalam bidang perubatan, saya tidak pernah dengar teknik ini tolak lensa (mata) ke dalam. Kita tidak boleh biarkan perkara ini, amat bahaya," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Baru-baru ini tular di Facebook mengenai iklan perkhidmatan rawatan mata yang dipercayai berpangkalan di Kuala Kurau, Perak. – Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Teknik 'couching' amat bahaya untuk rawat katarak

BALIK PULAU - Kementerian Kesihatan menasihati orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan rawatan *couching* untuk merawat katarak, iaitu teknik menolak kanta mata ke dalam rongga vitreus yang dijalankan pihak tertentu dan kini tular di media sosial.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, kaedah itu berbahaya dan boleh menyebabkan pelbagai komplikasi termasuk glaukoma.

"Kalau tolak lensa mata tersebut, takut terkeluar daripada sarung dan akan menyebabkan macam-macam berlaku. Teknik (*couching*) ini datang dari mana?

"Selama 40 tahun saya dalam bidang perubatan, saya tak pernah dengar teknik ini tolak lensa (mata) ke dalam. Kita tidak boleh biarkan perkara ini, amat bahaya," katanya kepada pemberita selepas melepaskan konvoi amal bermotosikal dan bantuan keluarga miskin, semalam.

Baru-baru ini tular di *Facebook* mengenai iklan perkhidmatan rawatan mata yang dipercayai berpangkalan di Kuala Kurau, Perak, dan dijadualkan mengadakan siri jelajah selama tiga hari di Langkawi, Kedah, bermula 23 Disember ini.

Dr Hilmi menasihatkan pesakit yang mengalami masalah mata dan katarak supaya ke klinik atau hospital yang diiktiraf bagi menerima rawatan lebih selamat.

Beliau berkata, pihaknya akan mengarahkan semua jabatan kesihatan negeri memantau kegiatan tersebut agar tidak terus berleluasa.

Sementara itu, mengulas mengenai isu susu rumusan bayi tiruan, Dr Hilmi berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan daripada ibu bapa mengenai kesan kesihatan terhadap anak mereka yang meminum susu tiruan berkenaan.

- Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Teknik 'couching' amat bahaya rawat katarak - Hilmi

■ BALIK PULAU 16 DIS.

KEMENTERIAN Kesihatan menasihati orang ramai agar tidak terpengaruh dengan rawatan 'couching' untuk merawat katarak iaitu teknik menolak kanta mata ke dalam rongga vitreus yang dijalankan oleh pihak tertentu dan kini tular di media sosial.

Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, kaedah itu berbahaya dan boleh menyebabkan pelbagai komplikasi termasuk glaukoma.

"Kalau awak tolak lensa mata itu takut terkeluar daripada sarung dan akan menyebabkan macam-macam berlaku. Teknik (couching) ini datang dari mana?

"Selama 40 tahun saya dalam bidang perubatan saya tak pernah dengar teknik ini tolak lensa (mata) ke dalam. Kita tidak boleh biarkan perkara ini, amat bahaya," katanya kepada pemberita selepas melepaskan konvoi amal bermotosikal dan bantuan keluarga miskin di sini hari ini.

Baru-baru ini tular di Facebook mengenai iklan perkhidmatan rawatan mata yang dipercayai berpangkalan di Kuala Kurau, Perak dan dijadual mengadakan siri jelajah selama tiga hari di Langkawi, Kedah bermula 23 Disember ini.

HILMI YAHAYA

Dr. Hilmi menasihatkan pesakit yang mengalami masalah mata dan katarak supaya ke klinik atau hospital yang diiktiraf bagi menerima rawatan yang lebih selamat.

Beliau juga berkata, pihaknya akan mengarahkan semua jabatan kesihatan negeri memantau kegiatan tersebut agar tidak terus berleluasa.

Sementara itu, mengulas mengenai isu susu rumusan bayi tiruan, Dr. Hilmi berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan daripada ibu bapa mengenai kesan kesihatan terhadap anak mereka yang meminum susu tiruan berkenaan. - BERNAMA

AKHBAR : SUNDAY MAIL
MUKA SURAT : 1 & 2
RUANGAN : TOP NEWS

'MAKE IT A CRIME'

Consumer groups and politicians want the authorities to charge makers and sellers of fake infant formula under the Penal Code, saying those who endanger babies are the worst type of criminals. To allay growing concern, a manufacturer has advised consumers and retailers to return one of its products for immediate replacement.

» SEE PAGE 2

Johor Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Department director Khairul Anwar Bachok (centre) showing fake infant formula confiscated in the state last week. — Picture by Bernama

'Act against the worst type of criminals'

By Danial Dzulkifly and Jonathan Edward
mmnews@mmail.com.my

PETALING JAYA — Consumer groups and politicians from both sides of the political divide have urged the authorities to charge those making and selling counterfeit infant formula under the Penal Code, saying those who endanger toddlers are the worst type of criminals.

Kuala Lumpur Consumer Safety Association chairman Sanusidin Mohamad Fauzi said yesterday those who sell fake baby formula endanger future generations of the country.

"This is a crime. The offender should not be charged under the consumer laws but under the Penal Code.

"Under the Consumer Protection Act 1999, an offender only pays a fine.

"Those who commit this crime have lost their sense of humanity. How can anyone have the heart to temper with a product that is catered for infants," he asked.

"We urge the Health Ministry to step up efforts in identifying fake products," he said.

Malaysian Muslim Consumer Association (PPIM) chief activist Nadzim Johan said the danger lies in the fact that many people could not tell the difference between counterfeit and genuine products.

"These criminals must be taken out of society. Otherwise, they will continue their heinous acts," he said.

Malaysia Consumers Movement president Darshan Singh Dhillon said the authorities should mete out harsh penalty on offenders.

"Fake infant food products in the market cannot be tolerated at any cost."

Consumers Association of Subang and Shah Alam (CASSA) president Datuk Jacob George urged all agencies to work together to stamp out the fake infant formula syndicates.

"Those who commit such crimes are seasoned criminals who have extensive distribution networks and financial backup.

"We cannot expect the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry to handle this alone. We need every related agency to work together to tackle this problem," he said.

MIC youth chief Datuk Sivarraajh Chandran said it was unthinkable that the perpetrators had placed young children and babies at risk for a quick profit.

"Find out who they are and throw the book at them. Every effort must be made to bring them to justice and set an example to deter others from doing this.

"The investigating bodies must also step up their efforts to prevent a repeat of this and set up a mechanism for such complaints to be acted on speedily," he said.

Penang MCA youth chief Datuk Michael Lee Beng Seng described it as a cruel crime.

"Considering that babies and children are unable to voice their distress and parents would only find out when they fall sick, this is an especially cruel crime," he said.

Seputeh MP Teresa Kok said the authorities should expedite the investigation in the interest of public safety.

"It is shocking that such a product has surfaced here. The ministry should work with the genuine manufacturer and seize all the products on shelves with immediate effect."

"There should be no compromise on the fake product manufacturer. They should be arrested and charged for putting the public at risk," she said.

The fake infant formula issue came to light last week when ministry officials seized 210 boxes of counterfeit product worth about RM42,000 from five supermarkets and pharmacies in Johor.

Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Minister Datuk Seri Hamzah Zainuddin previously said the ministry would publicly identify those who produce imitation baby formula, and was working with genuine baby formula manufacturers and the Health Ministry to stop the production of fake goods.

He said samples of the fake baby formula were sent to the Health Ministry and Chemistry Department for testing.

AKHBAR : SUNDAY MAIL
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : TOP NEWS

Authorities deny probe delay

KUALA LUMPUR — The Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry (KPDNKK) rejected Kulai MP Teo Nie Ching's allegation, and stressed they were only informed about the sale of the counterfeit baby formula products at several outlets in Johor Baru on Dec 6.

According to the ministry's director of enforcement, Datuk Mohd Roslan Mahayudin, raids were conducted against five premises in Johor Baru the following day and necessary action taken.

"I do not know where some parties got the idea that a complaint had been lodged to KPDNKK in August," he told *Malay Mail* when contacted.

"She (Teo) simply makes claims; we don't know who the complaint was lodged with. Perhaps they complained to the manufacturer of the product or other parties."

Teo had demanded KPDNKK explain why they were only checking the market for counterfeit infant formula now, after claiming they had been informed of the matter in August.

Teo further claimed that the KPDNKK and Health Ministry's delayed response has jeopardised the health and wellbeing of "hundreds if not thousands" of infants.